

22/08/2003

Serangan berani mati tidak beri sumbangan kepada Islam

Ezaruddin Abd Rahman

SERANGAN berani mati di Baghdad, Iraq dan di Israel dua hari berturut-turut seolah-olah memberi amaran bahawa dunia akan diancam malapetaka. Keadaan dunia semakin hari tidak menentu dan sentiasa berjaga-jaga untuk menghadapi serangan berani mati.

Kejadian di Baghdad mengorbankan 24 nyawa dan 100 yang lain cedera menjadikan keadaan di kota itu semakin tidak menentu. Tragedi itu juga mengorbankan Wakil Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Iraq, Sergio Viera de Mello, yang dikatakan bakal pengganti Kofi Annan.

Sejak serangan Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya terhadap Iraq, banyak kejadian serangan pengganas di seluruh dunia. AS dan sekutu perlu dipersalahkan kerana menyerang Iraq sehingga melahirkan kumpulan yang berikrar untuk membalas dendam dan mengancam memusnahkan kepentingan AS di seluruh dunia.

Inilah akibatnya apabila suara dunia tidak didengari supaya serangan ke atas Iraq dibatalkan. Sikap rakus dan tamak menyebabkan Iraq musnah dan jatuh ke tangan mereka.

Kemunculan kumpulan militan Islam yang merancang melakukan serangan dan amaran berdarah menyebabkan beberapa kawasan di dunia tidak lagi aman.

Serangan ke atas PBB mungkin disebabkan rasa tidak puas hati dengan peranan badan dunia itu yang gagal berfungsi menjaga keamanan dunia. Ketika tragedi letupan bom di Jakarta masih lagi segar dalam ingatan, muncul pula serangan berturut-turut di Timur Tengah.

Adalah malang kerana nama Islam terus tercemar kerana serangan itu didakwa dilakukan oleh puak Islam. Serangan berani mati sebenarnya merugikan umat Islam sendiri kerana ia menyebabkan umat Islam semakin dibenci oleh orang bukan Islam.

Perasaan membalas dendam telah menguasai pemikiran mereka sehingga ada yang sanggup menjadi pengebom berani mati bagi mencapai cita-cita tertentu. Tindakan mereka tidak memberi sumbangan yang besar kepada dunia Islam, sebaliknya menyebabkan orang Islam dianggap pengganas sehingga ada beberapa negara mengetatkan pemeriksaan terhadap orang Islam yang memasuki negaranya.

Kumpulan Islam perlu merancang strategi untuk memelihara nama baik Islam, bukannya membuat tindakan melulu dan membuta tuli. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad berkata, tiada jalan lain untuk mengembalikan kekuatan Islam kecuali dengan menguasai ilmu, khususnya sains dan teknologi, meningkatkan taraf ekonomi dan mengukuhkan perpaduan di kalangan negara Islam.

Kumpulan militan Islam lebih memilih jalan yang mengundang kontroversi daripada menyelamatkan maruah Islam. Pemimpin mereka sepatutnya berusaha mendidik ahlinya mendekati diri kepada Allah. Ia akan melahirkan ummah yang bertanggungjawab dan bersama-sama menguatkan Islam.

Ulama seharusnya tampil ke depan menjelaskan mengenai tindakan serangan berani mati yang dianggap mati syahid seperti didakwa kumpulan militan Islam.

Mereka seharusnya tidak membisu kerana tindakan itu seolah-olah merestunya. Mereka harus membetulkan persepsi ini kerana kita tidak mahu lebih banyak lagi serangan berani mati dilancarkan kerana ia hanya menimbulkan salah tafsir mengenai Islam.

Selagi wujud tafsiran serangan berani mati dianggap mati syahid, selagi itulah dunia tidak akan aman. Mungkin selepas Bali, Moscow, Riyadh dan

Jakarta.

Persidangan OIC yang akan dilangsungkan di Kuala Lumpur tidak lama lagi diharapkan akan menyatupadukan umat Islam di seluruh dunia . Kita tidak mahu umat Islam diheret dengan kegiatan keganasan .

EZARUDDIN ABD RAHMAN,
Timbalan Presiden,
Persatuan Pemuda Negara Malaysia.